

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA
MERICAN [KEPALA BATAS]

SOALAN NO. 373

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan senarai jumlah nelayan seluruh negara; mengikut negeri. Nyatakan juga pecahan hampir 8,000 nelayan yang berhadapan program 'pemutihan' daripada menerima elaun sara hidup; mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia, jumlah nelayan pada tahun 2017 adalah seramai 130,645 orang. Pecahan jumlah tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL. NELAYAN
Johor	12,885
Kedah	13,513
Kelantan	6,962
Melaka	1,074
Negeri Sembilan	484
Pahang	8,727
Perak	15,500
Perlis	3,946
Pulau Pinang	4,996
Sabah	29,869
Sarawak	14,499
Selangor	8,242
Terengganu	9,533
WP Labuan	415
JUMLAH	130,645

**Data bagi tahun 2018 sedang dikemaskini*

SOALAN NO : 373

Maklumat di atas adalah merujuk kepada jumlah nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia dan memiliki kad nelayan.

Bagi program pemutihan yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, seramai 8,401 orang nelayan telah dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan elaun sara hidup. Pecahan jumlah tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL. NELAYAN TIDAK LAYAK MENERIMA BANTUAN ESH
Johor	1,226
Kedah	841
Kelantan	143
Melaka	48
Negeri Sembilan	22
Pahang	220
Perak	2,087
Perlis	75
Pulau Pinang	578
Sabah	1,362
Sarawak	687
Selangor	878
Terengganu	170
W. P. Labuan	64
JUMLAH	8,401

Walau bagaimanapun, nelayan-nelayan ini masih boleh mengemukakan rayuan untuk dipertimbangkan semula mengikut syarat kelayakan memandangkan proses pemutihan masih lagi dijalankan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.